

Perkembangan Budaya Popular dan Perubahan Sosio-Budaya Masyarakat Pasca Moden: Adaptasi Budaya Asing Dalam Perkahwinan Melayu

Shaliza Binti Dasuki

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka
shahmd@melaka.uitm.edu.my

Fazlina binti Mohd Radzi

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka.
bage_ijau@yahoo.com.my

Nurkhazilah binti Idris

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka.
ilaidris@ymail.com

Nur Hasliza binti Abdulah

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka
xxhaslizaxx@yahoo.com

ABSTRAK

Tamadun Melayu tidak akan lengkap tanpa budaya dan bagaimana budaya ini membentuk masyarakatnya sehingga ia menjadi hebat, terkenal dan dihormati. Adalah sangat penting kesedaran tentang pewarisan budaya ini sebagai menjamin kelangsungan pembudayaan yang berkekalan dan ia mesti diterapkan dari satu generasi kepada generasi seterusnya agar ianya terpelihara. Timbul persoalan adakah budaya Melayu dalam konteks perkahwinan ini semakin hari semakin lapuk sehingga kita perlu mengadaptasi budaya-budaya asing dari luar untuk disesuaikan dengan perubahan citarasa masyarakat kini dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhinya. Masyarakat Melayu sememangnya tidak dapat lari daripada mengalami perubahan sosio-budaya mengikut peredaran masa dan zamannya, maka kertas penulisan ini dihasilkan dengan tujuan menyingkap perkembangannya yang menjurus kepada kritikan sosial masyarakat Melayu.

Kata Kunci: Budaya Popular, Institusi Perkahwinan, Budaya Melayu, Masyarakat Melayu.

PENGENALAN

Budaya adalah keperluan masyarakat untuk mengatur hidupnya dari aspek pemikiran dan tingkah lakunya. Masyarakat yang berkembang perlu membangunkan budayanya sendiri bagi memenuhi tuntutan kehendak asasnya iaitu dari aspek pemakanan, pemakaian dan tempat dia tinggal dan berkembang. Perkembangan budaya itu dilihat terpengaruh oleh faktor-faktor persekitarannya, agama dan kepercayaan, dan keadaan cuaca tempat dia tinggal. Budaya juga dibezakan dari segi budaya material dan budaya bukan material. Budaya material atau alam benda yang berguna, manakala budaya bukan material melibatkan kepercayaan keagamaan, pengetahuan, nilai etika masyarakat, struktur dalam masyarakatnya dan lain-lain termasuk perundangan.

Setiap amalan atau rutin yang dilakukan tak kira apa bangsa pun, menjadi satu budaya hidupnya yang merangkumi seluruh aspek kehidupannya seperti bahasa atau dialek percakapan harian, kepercayaan dan pantang larang, kepercayaan tahyul dan karut seperti hantu, semangat dan *mana*, kepercayaan alam ghaib, adat istiadat kelahiran, peralihan fasa umur, perkahwinan dan kematian, sistem politik setempat, kesenian, kesusasteraan, adat istiadat raja atau pemerintah, serta nilai etika masyarakat (Ismail Hamid, 1998). Daripada amalan-amalan ini akan mewujudkan satu sistem pemikiran dalam masyarakat tersebut yang dapat dijadikan sebagai garis panduan yang penting dalam mewujudkan peradaban manusia (Hairudin Harun, 2006).

Amalan budaya dalam masyarakat boleh berubah seiring dengan peredaran masa yang membuka peluang kepada pengaruh-pengaruh yang datang dari luar ruang budaya masyarakat (Ibid, 2006), lalu bertembung dan budaya pun mengalami proses-proses perubahannya sama ada secara asimilasi ataupun akulturasi. Proses asimilasi budaya berlaku apabila dua budaya berbeza bertembung disesuaikan antara satu sama lain, manakala akulturasi merupakan adaptasi budaya asing terus kedalam budayanya sendiri kerana masyarakat menerima perubahan budaya secara total terutama apabila tidak ada percanggahan dari segi adat atau agama. Seperti yang disebutkan dalam perenggan sebelumnya, budaya itu meluas mencakupi seluruh aspek kehidupan sesebuah masyarakat dan skop penulisan ini menjurus kepada konteks latar belakang budaya perkahwinan Melayu dan perkembangannya di Malaysia.

Adat Istiadat Melayu

Adat, dalam takrifan orang Melayu adalah undang-undang yang berteraskan amalan-amalan masyarakat. Semenjak kepercayaan animisme lagi, orang-orang Melayu telah mencipta undang-undang adat. Apabila pengaruh Hindu dan Buddha memasuki kehidupan orang-orang Melayu, undang-undang adat yang dipengaruhi oleh Hindu-Buddha mula meresap. Memetik tulisan Abdullah Alwi Hassan (2001) menyebut;

“Bukti pengaruh Hindu ini boleh didapati didalam ‘Undang-undang Melayu Lama’. Contohnya, *Risalat Hukum Kanun Melaka*, yang ditulis atas perintah Sultan Muzaffar Syah (Memerintah 1446-1456). Walau bagaimanapun undang-undang ini telah disesuaikan dengan berbagai-bagai amalan undang-undang yang diwarisi daripada leluhur penduduk Melaka pada masa berkenaan, yang dikenali sebagai undang-undang adat, yang berteraskan undang-undang Islam. Setelah agama Hindu bertapak lebih daripada tiga belas abad di Malaysia, undang-undangnya hanya berpengaruh didalam sistem pemerintahan beraja dan pembahagian kasta sahaja, dan tidak dapat mengubah intisari adat asli, yang berasaskan adat Melayu-Polinesia secara keseluruhannya”.

Ada perbezaan antara undang-undang rasmi dengan adat (undang-undang tidak rasmi). Undang-undang rasmi termaktub didalam akta-akta dan digubal secara berpelembagaan manakala adat menjadi pelengkapannya. Adat memuliakan dan membesarkan undang-undang yang diwartakan dan ia menjadi sebahagian daripada undang-undang. Dalam konteks perkahwinan, urusan adat istiadat lamaran dan peminangan tidak diwartakan dalam undang-undang tetapi apabila sesuatu urusan nikah kahwin tidak didaftarkan di Pejabat Pendaftaran, ianya tetap menjadi kesalahan walaupun pernikahannya sah. Disini

menunjukkan bahawa adat resam orang Melayu dan undang-undang itu saling memperkuat dan saling melengkapi (Nik Abdul Rashid, 2001).

Definisi Budaya Dan Budaya Popular

Kajian tentang budaya Melayu telah banyak dikaji sejak era kolonial lagi. Antara pengkaji-pengkaji orientalis seperti R. O. Winstedt, J. R. Wilkinson, Mubin Sheppard dan beberapa nama lain antara pengkaji sejarah dan budaya Melayu yang prolifik. Nama-nama seperti A. Aziz Deraman, Mohd. Taib Osman, Wan Abdul Kadir Wan Yusoff pula antara sarjana tempatan yang memberi sumbangan dalam bidang penulisan dan kajian yang berkaitan dengan kebudayaan Melayu. Menurut pandangan A. Aziz Deraman dalam bukunya *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia* (2003), budaya itu adalah sesuatu yang menjadi pemikiran dan amalan seseorang, atau kelompok masyarakat atau bangsa. Bentuk pemikiran dan amalan ini meliputi keseluruhan aspek kehidupannya dan mempengaruhi cara hidupnya. Ia menjadi teras kepada masyarakat itu membina peradabannya, menyusun etika dan tatacara tingkahlakunya, berpegang teguh kepada amalan kepercayaannya, mempertingkatkan ketinggian ilmunya, membentuk kesenian, perundangan, ekonominya dan lain-lain aspek yang bertujuan mewujudkan keharmonian dalam suasana terkawal.

Makna dan sifat kebudayaan mengikut sisi pentaktifan sarjana Zainal Kling yang berdasarkan kepada teori-teori asas pembentukan masyarakat dan kebudayaan daripada kajian sarjana barat seperti Edward B. Taylor, Bronislaw Malinowski, Ralph Linton dan lain-lain menyebut;

“Secara mudah kebudayaan adalah segala ciptaan dan warisan manusia hidup bermasyarakat. Justeru itu lebih baik jika digunakan konsep sosio-budaya dalam membincangkan hasil kehidupan manusia bermasyarakat kerana hubungan diantara masyarakat dan kebudayaan adalah amat sehati sehingga sukar membezakannya kecuali sebagai satu alat kajian (*heuristic*) saja. Demikian juga kebudayaan adalah sentiasa ditanggap sebagai ciri-ciri hidup manusia yang dipelajari, sebagai sistem perhubungan antara individu dalam masyarakat, sebagai hasil penyesuaian anggota masyarakat dalam alam tabii sekitarnya dan mempunyai sifat berlanjutan melebihi daripada hayat hidup manusia yang mendukungnya (*supraorganic*) hingga anasir itu menjadi tradisi, sejarah dan tamadun” (1985).

Berdasarkan kepada sejarah Greek purba yang dianggap sebagai bangsa berbudaya, budaya merujuk kepada budaya tinggi (*high culture*) masyarakat kelas atasan atau aristokrat yang diasuh dengan prinsip-prinsip kebangsawanan (Abdul Majid, 1983). Perubahan budaya tinggi masyarakat bangsawan berubah kepada politik demokrasi dan sistem ekonomi kapitalis seterusnya sehingga kepada kemunculan budaya popular di Eropah (Wan Abdul Kadir, 1988). Sejarah perkembangan budaya popular berkait rapat dengan sejarah perkembangan Revolusi Perindustrian di Eropah pada abad ke-19 yang menyebabkan kemunculan golongan pertengahan serta jurang antara budaya tinggi golongan bangsawan dan budaya rakyat golongan pertengahan menjadi semakin rapat (Wilson & Wilson, 2001).



Mungkin budaya popular dianggap wujud ketika era pemodenan dunia abad ke-19, namun, jika kefahaman istilah popular itu bermakna sesuatu yang diminati oleh kebanyakan orang dalam sesuatu kelompok masyarakat, maka kemungkinan budaya popular telah lama wujud semenjak kewujudan peradaban manusia lagi. Ketika zaman perluasan Empayar Roman ke tanah Greece, bangsa Rumawi begitu tergila-gilakan arca-arca milik orang-orang Greek sehingga mereka sanggup menghasilkan arca salinan (*Roman's copy*) untuk dimiliki yang kemudiannya menjadi arca rujukan pengkaji-pengkaji seni setelah arca yang asal musnah. Trend arca popular terus merebak dalam masyarakat Rumawi terutama golongan bangsawan dengan menghasilkan arca-arca portret diri sebagai cara membanggakan kehebatan mereka. Ini merupakan salah satu bentuk budaya yang mungkin boleh dianggap sebagai budaya popular dalam bidang kesenian era Seni Klasikal Greek dan Roman.

Kemunculan budaya popular ini dikaitkan dengan perubahan struktur masyarakat feudal kepada demokrasi serta perubahan gaya hidup golongan pertengahan yang bermigrasi dari kawasan kampung ke kawasan bandar yang menjadi pusat perkembangan ekonomi. Mereka berasimilasi dengan situasi baharu yang menyebabkan perhubungan sosial sesama masyarakat secara tradisional yang rapat, berubah kepada kelompok masyarakat yang individualistik. Mereka mula berubah kearah kelompok masyarakat yang lebih moden dan menerima peluang pendidikan yang lebih baik berbanding era zaman feudal (Wan Abdul Kadir, 1988). Bagi golongan ini, mereka perlukan sesuatu untuk mengisi masa lapang dan memenuhi keperluan hidup mereka. Melalui perkembangan teknologi era moden dan usaha peniaga-peniaga kapitalis memenuhi permintaan mereka, golongan pertengahan ini mula menjadi golongan konsumer atau pun pengguna (Davis, 2012) dan mula mempopularkan produk-produk industri dan juga menikmati apa yang dahulunya hanya dinikmati oleh kalangan borjuis seperti kesenian (Ibid, 1988).

Daripada penerangan di atas dapat difahami bahawa budaya popular ini juga disamakan dengan budaya massa iaitu perkara-perkara yang diminati majoriti masyarakat yang berbudaya (Ibid, 1988). Ia adalah budaya untuk semua orang yang merangkumi tabiat, tempat tinggal dan perlakuan dalam menjalani kehidupan. Ia adalah barang dagangan yang dikeluarkan secara besar-besaran (kilang) kemudian disebarikan melalui media massa (iklan komersil dan lain-lain) dan ia menjadi simbol terkenal (Wilson & Wilson, 2001). Wan Abdul Kadir Wan Yusoff juga berpendapat;

“Pada hakikatnya budaya popular ini berkait rapat dengan kehidupan atau keseluruhan cara hidup anggota masyarakat setiap hari, misalnya kita terdedah kepada media massa seperti radio, televisyen dan filem iklan, muzik, fesyen dan seumpamanya yang sentiasa berubah, dan berbagai jelmaan budaya lain yang mempengaruhi anggota masyarakat” (1987).

Jelas daripada pengkajian ini bahawa makna budaya mungkin berbeza mengikut geografi antara Barat dan Timur, malah antara sarjana dengan sarjana yang lain tetapi budaya itu tetap merujuk kepada satu konsep yang sama iaitu sesuatu yang menjadi amalan atau tabiat sekumpulan masyarakat. Budaya itu bersifat tidak jumud iaitu boleh mengalami perubahan atas faktor-faktor tertentu dan perubahan itu akan memperluaskan lagi budaya yang berasimilasi atau akulturasi sesuai dengan kehendak masyarakat yang menerima perubahan tersebut.

Akulturası Dan Asimilasi Sosio-Budaya Melayu

Seperti yang disebut dalam perenggan sebelumnya, budaya boleh berubah. Proses adaptasi budaya luar menjadi budaya sendiri kerana menerima perubahan baru yang berlaku disekitar ruang lingkup masyarakat itu kesan daripada banyak faktor antaranya perkembangan teknologi seperti internet, media massa, ekonomi, politik, dan lain-lain. Perubahan budaya ini jelas seperti yang disebutkan oleh Wan Abdul Kadir Wan Yusoff,

“Budaya itu dinamis, berubah dari masa ke semasa, dan perubahan yang berlaku itu dalam bentuk persambungan. Cara ini memperkayakan lagi kedudukan budaya sendiri. Budaya Melayu banyak mengalami perubahan, terutama apabila berlaku pertembungan dengan budaya luar seperti India, Asia Barat dan kemudian Barat, peringkat demi peringkat. Penyesuaian dan tokok tambah berlaku dalam proses penerimaan unsur-unsur budaya luar kerana dalam masyarakat sendiri sudah terdapat dan tersusun sistem budaya” (1983).

Didalam penulisan sama yang merujuk kepada pandangan sarjana Mohd. Taib Osman, menyatakan bahawa budaya baharu yang terbangun kesan daripada pertembungan budaya-budaya asing yang lain ini, tidaklah ditiru semata-mata oleh ahli masyarakat sebaliknya budaya asing ini mengalami proses-proses perubahan untuk disesuaikan oleh tatacara, terma dan cara hidup masyarakat tersebut (Ibid, 1983). Penyesuaian ini berlaku sama ada secara semulajadi, atau kerana faktor pegangan agama supaya sesuatu amalan itu tidak bertentangan dengan syariat yang ditetapkan oleh agama.

Dasar kepercayaan bangsa Melayu ini meliputi beberapa fasa dari sejak kewujudan orang Melayu yang meliputi kawasan Semenanjung Tanah Melayu dan kawasan kepulauan Nusantara (Ismail Hamid, 1998). Fasa kepercayaan awal orang-orang Melayu adalah kepercayaan pagan atau animisme (Hairudin Harun, 2006) yang bersangkutan paut dengan amalan-amalan kehidupan seharian mereka. Menurut pandangan pengkaji barat seperti Edward B. Taylor atau Edward E. Evan-Pritchard, animisme adalah bentuk kepercayaan masyarakat primitif (Ibid, 2006) yang memuja roh dan semangat atau *mana*. Demikian kerana kepercayaan ini maka timbulnya pantang larang dalam masyarakat Melayu supaya dalam kelangsungan hidup, ada peraturan-peraturan yang mesti patuhi bagi menghindari kecelakaan dan sebagai satu cara menghormati kuasa alam agar hidup mereka makmur dan harmoni.

Dengan kemunculan kerajaan Hindu di beberapa tempat di kawasan Nusantara semenjak abad ke-4 seperti di Kalimantan dan Sumatera, konsep kepercayaan Hinduisme dan Buddhisme mula merebak dikalangan golongan bangsawan Melayu dan Jawa. Ini merupakan fasa kedua perubahan kebudayaan Melayu. Dengan kedatangan dua kepercayaan ini, ia mula bergabung dan bercampur aduk dengan adat kepercayaan animisme. Pengaruh Hinduisme memberi kesan terhadap adat istiadat termasuk adat perkahwinan Melayu seperti bersanding (Ismail Hamid, 1998). Kebudayaan Melayu mengalami perubahan besar selepas kedatangan Islam di Nusantara pada abad ke-13 yang merubah pandangan dunia atau *weltanschauung* Melayu dari semua aspek kehidupannya seperti kepercayaan, adat dan istiadat, sistem politik, kesenian dan kesusasteraan. Seperti

mana yang berlaku dalam perubahan budaya daripada fasa pertama ke fasa kedua, yang menyebabkan percantuman antara budaya animisme dengan Hindu-Buddha, perubahan dan penyesuaian terus berlaku dengan kedatangan Islam. Proses penyesuaian itu berlaku supaya ajaran Islam dan adat Melayu tiada kontra dan konflik antara satu sama lain iaitu para ilmuan Islam dan juga masyarakat Melayu Islam itu sendiri (Ismail Hamid, 1985).

Trend Popular Perkahwinan

Menyentuh kepada perkembangan dan perubahan sosio-budaya, banyak perubahan yang berlaku dalam adat istiadat perkahwinan Melayu dari masa ke semasa. Perubahan disesuaikan dengan kehendak masyarakat kerana hanya mereka yang boleh menentukan corak budaya mereka sendiri. Faktor lain seperti ekonomi atau politik mungkin memainkan peranan terhadap perubahan itu tetapi perkembangan teknologi memberi kesan yang lebih besar berbanding faktor-faktor lain (Wan Abdul Kadir, 1988). Dalam penulisan yang sama juga menyebut bahawa budaya tradisional makin terhakis kerana pemodenanisasi dan kemunculan masyarakat urban. Mereka semakin banyak pilihan dan pendedahan dalaman atau luaran menyebabkan mereka tidak terikat dengan amalan-amalan tradisi malah lebih bersikap individualistik (Ibid, 1988).

Adat perkahwinan Melayu di Malaysia ada sedikit perbezaan dalam amalan perlaksanaannya merujuk kepada geografi tempat yang berbeza misal kata budaya amalan perkahwinan Melayu di negeri Perak berbeza dengan amalan yang dilakukan oleh orang-orang Jawa di Johor. Amalan sesetengah kelompok daerah atau kampung mungkin juga berbeza mengikut kebiasaan kariah masing-masing tetapi secara umumnya dalam kebanyakan buku-buku yang dirujuk berkaitan dengan adat istiadat perkahwinan Melayu, proses, sebelum, semasa dan selepas perkahwinan adalah sama seperti dalam carta perbandingan di bawah;

<i>Malay Wedding Customs (1979)</i>	<i>Istiadat Perkahwinan Melayu (1989)</i>	<i>Perkahwinan Melayu (2002)</i>	<i>Adat dan Pantun Perkahwinan Melayu (2010)</i>	<i>Adat Perkahwinan Melayu (2012)</i>
Selecting the bride	Meninjau	Merisik	Merisik	Merisik /meninjau
Betrothal	Merasi	Meninjau	Melamar	Peminangan
Engagement ceremony	Melamar	Merasi	Bertunang	Hantar tanda
Trimming & teeth-filing	Bertunang	Melamar & cincin tanda	Berandam	Hantaran belanja
dyeing ceremony	Bangsai penangah dan Tamu	Sirih junjung, hantaran peminangan dan cincin pertunangan	Berasah gigi	Menjemput
Marriage contract	Gantung-	Rewang	Berina curi	Kerja

(nikah)	gantung			kahwin/rewang
The sitting-in-state	Bunga telur	Menepung tawar rumah	Berina kecil	Upacara akad nikah
bath ceremonies	Pulut kuning	Acara menggantung dan pelamin	Berina besar	Berina besar
Welcoming newly-wedded couple	Kenduri	Bunga telur, bunga pahar, Pulut kunyit/kuning	Khatam Al-Quran	Hari persandingan
	Berina kecil	Berzanji	Akad nikah	Jemput/sambut menantu
	Majlis nikah	Kenduri dan nasi berkat	Batal wuduk	
	Berina besar	Mandi bunga, potong perajan & berendam	Mandi sampat	
	Khatam Al-Quran	Berina kecil	perarakan mempelai	
	Bersanding	Khatam Al-Quran	Naik pelamin & sanding	
		Nikah dan Batal air sembahyang (sarung cincin) & mahar	Tepung tawar	
		Bunga manggar, Berarak & silat sembah pengantin	Makan beradap	
		Sirih gatal, tebus pelamin & sanding	bertandang	
		Makan berdamai/makan beradap		
		Majlis bertandang		

Jadual 1: Perbandingan adat-istiadat Perkahwinan Melayu.

Didalam adat masyarakat Melayu, sirih merupakan budaya material yang penting. Ia digunakan dalam kebanyakan adat istiadat termasuk perkahwinan. Sirih diungkapkan dalam simbol tepak sirih, sirih junjung, sirih dara dan juga jambangan bunga *sirih gatal*, pemberian daripada pengantin lelaki semasa upacara naik pelamin. Amalan pantang larang masyarakat Melayu tradisional melarang tepak sirih ini dilangkah dan dipermainkan kerana jika berlaku sesuatu ke atas alat tersebut seperti terjatuh atau terbalik membawa alamat yang buruk

(Karafi Salleh, 2010). Dalam konteks perkahwinan Melayu, tepak sirih berkepentingan sebagai kepala adat dan pembuka bicara dalam setiap proses yang berkaitan dengan urusan merisik, melamar meminang dan seterusnya malah ketiadaan tepak sirih semasa menerima tetamu juga dianggap tidak menghormati atau tidak melayani tetamu yang datang mengikut adat (Hadriah, 2005).

Masyarakat Melayu moden masa kini semakin tidak mengerti simbol tepak sirih dan falsafah sirih pinang dalam urusan harian terutama yang melibatkan hal-hal perbincangan (Jeniri Amir, 2005). Istiadat perkahwinan yang dimulai dengan risikan memang sepatutnya menitik beratkan kepala adat ini. Didalam jadual 1, perkara pertama dalam adat istiadat perkahwinan ini bermula dengan merisik atau meninjau. Dalam amalan tradisional, merisik menggunakan wakil yang bukan daripada kalangan saudara pihak lelaki. Perubahan zaman membolehkan perjumpaan antara lelaki dan perempuan muda seawal alam persekolahan primer dan berlanjutan sehingga ke peringkat pengajian tinggi membolehkan kedua-dua belah pihak membuat keputusan bersama tanpa memerlukan wakil. Inilah proses amalan sosial popular muda-mudi masa kini yang berpacaran sebelum mereka membuat keputusan untuk mendirikan rumahtangga. Kedua-dua proses merisik dan merasi kian terhakis dan amalan merasi misalnya tidak lagi diamalkan oleh orang Melayu kerana masyarakat melihat hal ini tidak begitu diperlukan dalam urusan perkahwinan (Amran Kasimin, 1989).

Adat istiadat perkahwinan Melayu mempunyai banyak peringkat daripada proses merisik sehinggalah kemuncak bersanding di atas pelamin dan diakhiri dengan makan beradap. Ia merupakan proses yang panjang dan memerlukan perbelanjaan kerana masyarakat Melayu menganggap peralihan status dalam hidup merupakan sesuatu perkara yang penting (Mohtar Md. Dom, 1979). Didalam amalan tradisi orang Melayu, peranan bakal pengantin lelaki tidak begitu menonjol sehinggalah hari akad nikah. Ini kerana empunya diri diwakilkan melalui perwakilan dari awal proses dan kerana itulah dibingkiskan sirih pinang dalam urusan lamaran dan peminangan. Sirih pinang dalam konsep istiadat peminangan adalah simbol bakal pengantin lelaki (Amran Kasimin, 2002). Di era abad ke-21 ini, kerana semakin kurangnya kefahaman tentang simbol, falsafah dan makna disebalik perkahwinan Melayu ini, sirih pinang tidak berfungsi dengan cara yang sepatutnya dan kehadiran bakal pengantin lelaki di majlis pertunangan tidak lagi dilihat janggal. Bakal pengantin lelaki, mungkin tidak berada disepanjang majlis formal tersebut, sebaliknya apabila majlis berakhir barulah dia akan bersama dalam sesi fotografi yang secara tidak formal. Walaupun keadaannya begitu, amalan sebegitu akan menimbulkan suatu persepsi dan menganggap bingkisan wakil sudah tidak perlu bagi masyarakat Melayu pasca moden. Didalam unjuran Islam juga menyebut, mendahulukan wali atau berwakil dalam urusan peminangan sebagai restu (Fatimah Syarha, 2011). Konsep ini yang diterapkan oleh masyarakat Melayu melalui falsafah bingkisan sirih pinang yang membuktikan bahawa kerja-kerja rumit ini perlu dilakukan oleh kalangan yang berpengalaman.

Perubahan lain yang berlaku dalam proses perkahwinan orang Melayu ialah kenduri-kendara. Dalam istiadat perkahwinan di Johor, majlis perkahwinan dimulakan dengan *rewang*. Rewang adalah konsep berkenduri yang menyiapkan jamuan makan jemputan sama ada semasa majlis pertunangan atau pernikahan secara berjemaah atau gotong-royong. Tuan rumah menyediakan keperluan persiapan berkenduri dan dibantu dengan pemberian daripada jiran tetangga bagi meringankan beban. Dari proses mendirikan bangsal, sehinggalah menyiapkan hidangan semuanya dilakukan bersama-sama. Rewang

secara tidak langsung menjadi acara yang meriah dalam merapatkan ukhwah sesama jiran tetangga dan saling bantu membantu yang membenarkan peribahasa Melayu, *Yang Ringan Sama dijinjing, Yang Berat Sama dipikul* atau *Bersatu Teguh, Bercerai Kita Roboh*. Dengan adanya budaya konsumerisme dan kekangsaan masa masyarakat berkerjaya, perkhidmatan makanan bermasak atau katering semakin mendapat sambutan. Asal majlis perkahwinan ini kebiasaannya dilakukan di rumah pengantin perempuan, kerana itu rewang atau bantuan jiran tetangga amat diperlukan untuk melancarkan majlis, namun pada masa kini, dengan adanya pelbagai tawaran perkhidmatan yang dipopularkan, pihak pengantin mempunyai lebih banyak pilihan sama ada mengadakan majlis di rumah, dewan atau hotel, mengikut kemampuan masing-masing.

Apa yang dilalui oleh penulis sewaktu zaman kanak-kanak semakin hilang ditelan arus budaya popular perkhidmatan. Mengimbau kenangan kenduri era 1980-an sehingga 1990-an, acara rewang mengambil masa beberapa hari persiapannya. Kemuncak kenduri ialah jamuan makan jemputan yang hadir, menggunakan konsep berkah atau berkat, iaitu makan bersama 4 orang dalam satu hidangan. Dari proses menyiapkan makanan itu telah diterapkan konsep barokah dalam makanan dan apabila dijemput makan, konsep yang sama juga diterapkan. Sepanjang proses menyiapkan dan duduk makan bersama itulah sebenarnya pertemuan, perkenalan dan membina rangkaian kenalan serta beramah mesra dengan penduduk setempat. Inilah amalan masyarakat tradisional Melayu yang lama-kelamaan berubah kepada lebih individualistik. Hidangan makan secara setempat dan jemputan bebas memilih tempat duduk untuk makan. Perhubungan social masih terjadi, tetapi mungkin dilihat kurang mesra dan hambar. Jiran tetangga juga tidak terlibat secara menyeluruh dalam proses kenduri-kendara tadi. Konsep katering mungkin menjimatkan masa dan memudahkan kerja kerana selepas kenduri pihak yang memberi servis akan menyudahkan kerja mereka, berbanding rewang. Amalan rewang sesudah majlis, saudara-mara dan pengantin juga turun padang membersihkan rumah, balai dan periuk belanga. Dari sini juga dapat dilihat kemeriahan, kesatuan dan hubungan rapat sesama jiran tetangga dan juga saudara-mara jauh yang bukan selalu dapat berjumpa.

Trending popular melalui majalah, rancangan televisyen, media massa dan media sosial memainkan peranan besar dalam mempengaruhi terutamanya kaum wanita yang menganggap bahawa perkahwinan adalah perkara yang teramat penting berlaku dalam fasa kehidupannya kerana persepsi, ia berlaku sekali seumur hidup maka persiapan untuk berkahwin perlu diberi perhatian serius dan melibatkan perbelanjaan yang mewah (Mahdzir Md. Isa, 2011). Kesan perkembangan Revolusi Perindustrian telah mewujudkan kumpulan kelas pertengahan yang sentiasa mewujudkan permintaan dan juga kumpulan pedagang yang bertindak memenuhi permintaan. Bagi mewujudkan permintaan yang berterusan muncul periklanan komersil melalui cetakan poster dan penerbitan iklan editorial. Semakin teknologi perhubungan dan komunikasi berkembang, iklan mula disebarkan melalui media massa dan media sosial. Mereka menjadi golongan pengguna atau konsumer yang tegar mempopularkan produk barangan dan perkhidmatan.

Pengaruh penerbitan sama ada dalam bentuk cetakan mahupun rancangan-rancangan televisyen seperti majalah *Pesona Pengantin* ataupun rancangan *Nona* misalnya, memaparkan perkahwinan yang gilang gemilang oleh orang-orang kenamaan. Perkahwinan orang-orang kaya semestinya melibatkan belanja yang besar sesuai dengan taraf mereka. Kecantikan dan kemegahan sentiasa menjadi kekaguman orang dan kerana itulah ramai para wanita mengimpikan majlis yang gilang gemilang dihari perkahwinannya. Tanpa kita sedari budaya popular dalam majalah dan televisyen sebenarnya mengajar manusia taksu



kebendaan dan materialistik serta bersikap ujub, riak dan takbur. Antara paparan-paparan yang ditumpukan seperti persiapan barang berjenama premium sebagai hantaran dan rekabentuk hiasan hantaran yang boleh ditempah atau buat sendiri. Cincin berlian dan material platinum juga dipopularkan sebagai simbol keabadian cinta yang lebih baik dan bermutu jika dibandingkan dengan emas kuning atau emas 916, kerana harga berlian dan platinum jauh lebih mahal berbanding emas yang tertumpu pada harga pasaran semasa.

Pelamin bersanding, pelamin nikah, pelamin tunang, pentas sarung cincin, hiasan dewan, majlis bertema juga antara produk perkhidmatan yang selalu dipromosikan kepada bakal pengantin. Menurut adat istiadat Melayu, memang menyebut proses-proses yang dilalui melibatkan perkara-perkara diatas, tetapi dengan kecekapan periklanan dan medium media massa dan media sosial masa kini menjadikan pelamin-pelamin dan hiasan-hiasan perkahwinan bertema yang banyak diinspirasi daripada perkahwinan gaya barat berkonsepkan resepsi yang tampak lebih cantik, elegan dan bergaya. Ia mula menjadi trend popular dan seolah-olah ianya menjadi suatu kemestian dalam adat budaya Melayu. Adakalanya, jika tidak berhati-hati dengan aliran wang, majlis akan kelihatan berlebihan (*exaggeration*) dan pembaziran boleh berlaku. Hal sedemikian tidak dianjurkan dalam amalan Islam yang menekankan aspek kesederhanaan (Nik Abd. Rahim, 2011). Trend ini menjadikan bajet perkahwinan di Malaysia semakin meningkat sehinggakan bakal pengantin sanggup membuat pinjaman peribadi demi melangsungkan perkahwinan impian serba mewah, meriah dan gemilang (Mahdzir Md. Isa, 2011). Trend popular atau fenomena majlis perkahwinan impian mencetuskan permasalahan lain seperti rungutan generasi muda yang merasakan mereka kurang berkemampuan dan menganggap berkahwin menjadi satu permasalahan dan dikhuatiri menyumbang kearah masalah sosial yang lain.

Sebelum sesuatu majlis bermula, sudah semestinya pihak keluarga pengantin akan menjemput orang datang untuk memeriahkan majlis dan sebagai mengamalkan syariat dan sunnah Nabi Muhamad SAW,

“Menurut fiqah, mengadakan kenduri kahwin adalah sunnah mu’akkadah. Ini jelas dalam sunnah yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik bahawa Nabi SAW melihat kesan kuning pada diri Abdul Rahman bin ‘Auf, lantas baginda bertanya: “Apakah ini?” Beliau terus menjawab: “Wahai Rasulullah, aku telah berkahwin dengan seorang wanita dengan nilai emas seberat biji tamar”. Lalu baginda bersabda yang bermaksud: “Semoga Allah memberkatimu dan buatlah walimah walaupun dengan seekor kambing” (Nik Abd. Rahim, 2011).

Dalam urusan kenduri atau walimah, bapa atau wali pengantin perempuan akan menugaskan orang yang diwakilkan untuk urusan menjemput secara mulut ke mulut sahaja melalui kunjungan rumah ke rumah serata kampung. Undangan juga boleh dilakukan melalui pengumuman di surau selepas solat Maghrib atau Isyak. Ketika diera 1980-an, pihak yang menjemput undangan yang datang ke rumah akan menyerahkan surat jemputan yang berupa kertas bersaiz A4 yang dilipat kepada empat bahagian. Surat jemputannya begitu ringkas. Lama kelamaan, penggunaan kad jemputan yang lebih rasmi mula diamalkan dengan menghasilkan rekabentuk-rekabentuk menarik dan disertakan mutiara kata yang bersesuaian dalam kad undangan. Penggunaan kad jemputan rasmi juga membantu memudahkan jemputan dikalangan rakan-rakan pengantin yang tinggal jauh merentas

negeri. Bagi sesetengah kampung yang masih mengamalkan kenduri secara rawang akan menggunakan masjid di kariah masing-masing untuk berkumpul dan berbincang mengenai hal ehwal walimatulurus (Amran Kasimin, 2002).

Secara asasnya dalam sendi adat resam perkahwinan, bersanding hanyalah salah satu upacara yang akan dilakukan. Selepas rombongan pihak lelaki berarak menuju ke rumah pengantin perempuan dengan paluan kompang, disambut dengan persembahan silat pengantin, pihak lelaki dijemput masuk dan didudukkan diatas pelamin. Di negeri Johor, pihak pengantin lelaki mesti membayar “tol” dipintu masuk rumah dan sebelum naik pelamin, pihak lelaki mesti menebus tempat dia akan duduk disebelah pengantinya dalam istiadat *tebus pelamin* kepada mak andam. Bersanding antara tujuannya ialah untuk dipertontonkan pasangan pengantin kepada saudara mara dan jiran tetangga serta meraikan pengantin sebagai *Raja Sehari*. Demikian diadakan pelamin sebagai simbol pertabalan raja di atas singgahsana (Fatimah Ali, 1989). Banyak pendapat menyebut adat bersanding ini mendapat pengaruh Hindu, kerana sistem pemerintahan beraja diasaskan selepas kedatangan Hindu di Nusantara (Nik Abd, Rashid, 2001). Walaupun selepas kedatangan Islam dan pengislaman Parameswara yang kemudiannya memakai gelaran Sultan Iskandar Syah, banyak amalan-amalan yang berkait rapat dengan kepercayaan Hindu dibuang tetapi sistem pemerintahan beraja dan pertabalan adalah adat istiadat yang masih dikekalkan dan pengaruh ini juga terlihat dalam adat bersanding orang-orang Melayu (Aziz Deraman, 2003).

Selain hantaran dan pelamin serta hiasan dewan atau majlis bertema, Laces dan labuci, layah kepala (veil), tiara, korset, pengapit pengantin, *flower girl/boy* juga mula terbiasa menjadi ikutan. Fesyen pakaian wanita antara budaya popular yang menular dalam mana-mana masyarakat dunia. Berpakaian adalah keperluan bagi setiap orang namun bagi kaum wanita yang mementingkan penampilan, maka fesyen adalah arus perubahan trend yang mesti diikuti atau diambil tahu dan semestinya wanita mahu keterampilan yang menyerlah melebihi sesiapa pun semasa hari perkahwinannya sebagai *Raja Sehari*. Busana pengantin Melayu berubah-ubah mengikut trend fesyen semasa setiap dekad. Walaupun sehingga kini material tradisi seperti songket masih dikekalkan, tetapi pengubahsuaian dan penambahan dengan material yang lebih moden menjadikan busana pengantin kelihatan lebih kontemporari dan *up-to-date*. Begitu juga dengan aksesori perhiasan dan barang kemas yang dipakaikan pada pengantin.

Pengantin perempuan tradisional biasanya dipakaikan dengan busana songket dan hiasan cucuk sanggul yang cantik. Walaupun orang-orang Melayu telah lama Islam tetapi pegangan Islamnya masih longgar. Amalan-amalan yang berunsurkan khurafat serta bersifat pemujaan dalam adat berandam pengantin perempuan yang membaca jampi untuk menaik seri muka serta amalan tilik dara seseorang pengantin (Amran Kasimin, 1989). Sebelum gerakan dakwah sekitar tahun 1970-an di Malaysia, masih ramai wanita Melayu yang tidak menutup aurat. Mereka yang berumur sahaja yang memaki selendang untuk menutup kepala tetapi secara tidak sempurna (Muhammad Zakaria, 2012). Dengan pendedahan fesyen popular pengantin barat yang memakai layah (veil) dan juga kesedaran terhadap batas aurat wanita Islam, pemakaian tudung bersama layah dipopularkan dalam busana pengantin dan disesuaikan dengan penambahan aksesori mahkota atau tiara. Sesetengah gaya atau budaya barat ini tidak terdapat tentangan kerana ianya tidak bercanggah dengan hukum Islam. Dalam polisi kedua Kebudayaan Kebangsaan juga menyebut, budaya luar yang sesuai boleh diterima menjadi Budaya Kebangsaan kerana

mengambil kira sifat dinamis budaya yang boleh berubah (Aziz Deraman, 2003). Akulturasi budaya yang berunsurkan fesyen popular ini terus diamalkan sehingga kini. Dengan perkembangan teknologi dan inovasi tekstil, pengantin mempunyai lebih banyak pilihan fabrik yang membuatkan pengantin tampak sangat elegan dan menawan.

Fenomena pengapit pengantin juga menjadi trend generasi baru yang sememangnya diinspirasikan daripada perkahwinan barat. Konsep pengapit pengantin terutama perempuan sebenarnya adalah tugas mak andam yang pada masa kini mereka lebih gemar menggunakan perkhidmatan jurusolek profesional. Mak andam zaman dahulu mempunyai peranan yang penting tetapi tidak mengenakan bayaran tinggi untuk perkhidmatannya seperti sekarang, sesetengahnya mengenakan pengeras (Amran Kasimin, 1989). Walau bagaimanapun semenjak era 1990-an, cara solekan mak andam mula dianggap konservatif dan tradisional serta kurang digemari oleh golongan generasi muda termasuk penulis kerana mereka lebih terdedah dengan jenis fesyen dan mekap cara moden yang tampak asli dan natural. Jurusolek profesional mungkin tidak ada pengalaman atau pengetahuan adat seperti mak andam, tetapi mereka terlatih menyolek mengikut keperluan dan keadaan pengantin. Dengan demikian sebagai mengekalkan kedudukan mereka dalam bidang andaman, rata-rata daripada mereka menambah pengetahuan dan menaik taraf perkhidmatan mereka menjadi mak andam atau tukang andam moden termasuk menjadikan bidang ini sebagai bidang komersil untuk janaan pendapatan disamping, golongan lelaki juga mula menceburi bidang ini yang menguntungkan kerana tempahan perkhidmatan mereka untuk majlis perkahwinan sentiasa diperlukan.

Factor menjadikan fungsi dan peranan tukang andam berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa. Cara yang diamalkan antara mak andam dengan jurusolek juga berbeza dari segi amalan adat-adatnya seperti, berasah gigi, membacakan jampi pada sirih, upacara menilik dara dan dalam keadaan tertentu, mak andam ada amalan dalam memulihkan semangat pengantin perempuan yang diganggu makhluk halus semasa hari persandingan. Boleh dikatakan juga terdapat amalan-amalan kurafat dalam upacara berendam. Tugas jurusolek lebih mudah kerana tidak perlu mengiringi pengantin sehingga ke pelamin dan tugas ini mula diambil alih oleh rakan-rakan rapat pengantin sebagai pengapit. Peringkat awalnya pengapit cukup sekadar sepasang lelaki dan perempuan yang menjaga dan mengipaskan kedua pengantin di atas pelamin. Di abad millennium ini, disebabkan faktor media massa dan media sosial, masyarakat Melayu terutamanya gen-y begitu terpengaruh dengan fenomena *bridemates* dan *bridegrooms* yang mengadakan ramai pengapit dengan berpakaian sedondon.

Ada beberapa perkara lain yang masih boleh dibincangkan melihat kepada peringkat-peringkat adat-istiadat yang berkaitan dengan adaptasi budaya popular dalam perkahwinan Melayu. Antara lain yang merujuk kepada perhiasan sama ada yang dipakai oleh pengantin atau hiasan dalaman misalnya hiasan dalaman dewan atau *ballroom* majlis resepsi di hotel. Ini kerana seperti yang dinyatakan dalam perbincangan ini, adat istiadat perkahwinan Melayu ini merupakan proses yang panjang dan melibatkan banyak proses dan setiap daripada proses tersebut ada berlaku perubahan, yang dipengaruhi oleh budaya popular yang menular dalam adat resam Melayu. Perbincangan mengenai budaya ini masih boleh dikembangkan mengikut konteks yang berbeza kerana perubahan dalam budaya bukan sahaja dipengaruhi oleh pengaruh sosio-budaya asing malah faktor perubahan sosio-

ekonomi di Malaysia. Perbincangan juga atau ditumpukan kepada sesuatu topik khusus merujuk kepada peringkat adat istiadat perkahwinan ini.

kesimpulan

Adat dalam masyarakat Melayu lebih kepada metafora kesantunan budi orang-orang Melayu tradisional. Apabila adat semakin dilupakan, masyarakat semakin terhakis kesantunannya, kurang budinya dan sesuatu tamadun boleh hilang dan runtuh dengan merosotnya kesantunan peribadi sesuatu bangsa. Bukti terhapusnya tamadun kerana kemerosotan adab dan akhlak dapat dilihat keatas keruntuhan tamadun-tamadun yang lepas seperti Tamadun atau Empayar Roman dan Pompeii. Adat samalah seperti undang-undang yang diterimapakai dalam masyarakat Melayu dan yang membezakannya hanyalah, adat tidak tercatat dalam rang undang-undang rasmi, tetapi adat dan istiadat yang diamalkan sejak zaman berzaman menguatkan implementasi undang-undang rasmi kerajaan dan mereka saling lengkap-melengkapi.

Kemerosotan adat resam Melayu dan percampuran dengan budaya popular dan budaya asing kerana pengetahuan yang cetek tentang adat sendiri, simbol, falsafah dan makna sesuatu adat. Ramai yang mula menganggap adat-istiadat lama sebagai kolot dan tidak mengikut trend semasa. Apabila generasi muda tidak mengindahkan hal ehwal adat, sesuatu amalan adat akan dilakukan tanpa pemahaman dan mula dicampur-adukkan dengan budaya lain kerana merasakan ianya sesuai dengan diri mereka, malah budaya asing yang adaptasi juga tidaklah difahamkan secara jelas dan mendalam, tentang asal usulnya dan pengamalannya yang asal atau apakah ia tidak bercanggah dengan hukum Islam. Walaupun perubahan itu perlu supaya budaya Melayu tidak jumud, tetapi jika tidak berhati-hati dalam penerimaan perubahan tersebut, nilai budaya Melayu yang sejati akan tercemar dan hilang ditelan zaman.

Masyarakat Melayu sememangnya begitu mudah menerima perubahan tanpa menyedari perubahan yang terlalu drastik boleh memberi kesan terhadap keaslian budaya sendiri. Mengapa masyarakat Melayu di Malaysia begitu mudah terpengaruh, kerana bukti sejarah ketamadunan Melayu sendiri membuktikan bahawa kemasukan pengaruh dan pertembungan budaya telah berlaku semenjak awal kurun Masihi. Ini menjadikan Melayu begitu terbuka dan tidak jumud serta mempunyai daya untuk membuat perubahan. Walau bagaimanapun, sikap orang Melayu kadang-kala menjadi taksub seperti semasa di era kolonial, orang-orang Melayu begitu mudah menerima kesan pengaruh Barat lantas melalui fasa pemodenanisasi dalam banyak aspek seperti budaya pemakanan, pakaian malah memberi kesan ke atas peningkatan pendidikan orang-orang Melayu. Sehingga kini pun Melayu masih tegar dengan dasar pandang ke Barat. Dengan yang demikian, budaya Melayu menjadi tidak jumud dan sedia menerima perubahan baharu sebagai memperkayakan nilai budayanya. Perubahan ini tidak dapat dielakkan kerana kemasukan pengaruh asing memang tidak dapat disekat, tetapi penyesuaian budaya yang dilakukan oleh ahli masyarakat adalah penting sebagai satu cara melestarikan kebudayaan yang bersesuaian dengan peredaran masa dan teknologi.

RUJUKAN BIBLIOGRAFI / BAB DALAM BUKU / ARTIKEL

- A. Aziz Deraman. (2003). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Alwi Hassan. (2001). Adat Melayu Mengikut Perspektif Islam di Malaysia. In Abdul Latiff Abu Bakar, *Adat Melayu Serumpun* (pp. 51-72). Melaka: Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM).
- Abdul Majid Nabi Baksh. (1983). *The Popular Culture Controversy*. Penang: Research Publication.
- Ahmad Faisol Omar. (2009). *Kenduri Syariat dan Adat*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.
- Amran Kasimin. (1989). *Istiadat Perkahwinan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amran Kasimin. (2002). *Perkahwinan Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Clifford Geertz. (2008). *Tafsiran Budaya*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Clyde Kluckhohn. (1965). *Culture and Behavior*. New York: The Free Press.
- Fatimah Ali. (1989). *Persandingan Dikalangan Masyarakat Melayu dan Pandangan Islam Terhadapnya*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.
- Fatimah Syarha Mohd Noordin. (2011). Peminangan Pendahuluan Pernikahan. *Solusi Edisi Khas Isu No. 34*, pp. 83-84.
- Habsah Mohd Noordin, & Rohaniza Abdullah. (2012). *Perkahwinan Masyarakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Hadriah. (Ogos, 2005). Menerima Tetamu dengan Sirih. *Dewan Budaya*, pp. 13-14.
- Hairudin Harun. (2006). *Kosmologi Melayu dalam Era Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid. (1985). *Peradaban Melayu dan Islam*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

- Ismail Hamid. (1998). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- James R. Wilson, & Stan Le Roy Wilson. (2001). *Mass Media Mass Culture: An Introduction*. New York: McGraw-Hill.
- Jeniri Amir. (Ogos, 2005). Sirih Pinang Pembuka Bicara. *Dewan Budaya*, pp. 10-12.
- J. Vaan Baal. (1988). *Sejarah dan Pertumbuhan Teori Antropologi Budaya*. Jakarta: PT Gramedia.
- Karafi Salleh. (2010). *Adat dan Pantun Perkahwinan Melayu*. Kuala Lumpur: Tinta Publisher.
- Mahdzir Md Isa. (2011). Renjis-renjis Dipilis, Ditepungilah Tawar... Majlis Kenduri Dah Habis, Kira Hutang Nak Bayar... *Solusi Isu No. 28*, pp. 71-72.
- Meredith Davis. (2012). *Graphic Design History*. London: Thames & Hudson Ltd.
- Mohtar Md Dom. (1979). *Malay Wedding Customs*. Petaling Jaya: Federal Publications Sdn. Bhd.
- Muhammad Zakaria. (2012). Dijemur Tengah Panas Kerana Memakai Tudung. *Fardu Ain Edisi 6*, pp. 92-93.
- Nik Abd Rahim Nik Abd Ghani. (2011). Objektif dibalik Tabir Walimah. *Solusi Isu No. 38*, pp. 56-57.
- Nik Abdul Rashid Nik Abdul Majid. (2001). Adat dan Undang-undang . In Abdul Latiff Abu Bakar, *Adat Melayu Serumpun* (pp. 27-49). Melaka: Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM).
- Ralph Piddington. (1963). *An Introduction to Social Anthropology Volume 1*. London: Oliver and Boyd.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (1987). Pertumbuhan Budaya Popular Masyarakat Melayu Bandaran Sebelum Perang Dunia Kedua. In Mohd Taib Osman & Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, *Kajian Budaya dan Masyarakat Di Malaysia* (p. 55). Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (1988). *Budaya Popular dalam Masyarakat Bandaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Zainal Kling. (1985). Konsep Kebudayaan Kebangsaan Malaysia. In Wan Abdul Kadir Wan Yusoff & Zainal Abidin Borhan, *Ideologi dan Kebudayaan Kebangsaan* (pp. 1-46). Kuala Lumpur: JPM Universiti Malaya.